

SPRM digesa percepat siasatan isu jual tanah

Marang: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa segerakan siasatan isu penjualan tanah kerajaan negeri kepada sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Said, berkata isu penjualan tanah oleh kerajaan negeri kepada NGO pada harga RM550,000, berbanding nilai semasa sebanyak RM29 juta bukannya rahsia.

Sebaliknya, katanya, isu penjualan tanah dalam bandar sudah menjadi perdebatan rakyat selepas didedahkan melalui media massa termasuk media sosial.

“Sampai bila SPRM nak tangguhkan siasatan, bukan susah sangat pun, pegawai badan bebas berkenaan boleh menghantar pegawai ke Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri mengambil dokumen.

“Laporan mengenai penju-

lan tanah kepada NGO itu sudah dibuat dan isu itu didedahkan melalui media massa termasuk media sosial,” katanya.

Ahmad yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Kijal, berkata demikian kepada media selepas melancarkan Jentera Pilihan Raya Negeri (PRN) Barisan Nasional (BN) peringkat Parlimen Marang di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Wakaf Tapai, di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut, Ahmad yang juga bekas Menteri Besar negeri menegaskan penjualan tanah pada harga yang lebih rendah daripada harga nila-

ian semasa oleh kerajaan negeri kepada NGO itu adalah satu kesalahan dan pengkhianatan kepada rakyat.

“Saya bersedia pada bila-bila masa jika dipanggil SPRM untuk diambil keterangan bagi membantu badan bebas itu melengkapkan siasatan,” katanya.



Ahmad Said